

22/07/1998

Ahli Umno mula faham masalah ekonomi

SEREMBAN, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pemimpin dan ahli Umno kini lebih jelas dan faham mengenai masalah ekonomi yang dihadapi negara sekarang.

Menurut Perdana Menteri, perjumpaannya dengan kepimpinan Umno negeri adalah untuk menyatakan mengenai pentingnya peranan Umno supaya terus kukuh dan bersatu padu untuk menghadapi masalah.

"Setakat tempat yang saya pergi, Melaka, Kedah dan berjumpa dengan pemimpin Umno, nampaknya mereka lebih jelas dan faham sekarang. Saya akan pergi ke setiap negeri untuk memberi penerangan mengenai perkara itu.

"Cara Umno menangani masalah ini ialah dengan menerangkan kepada orang ramai supaya mereka faham mengenai perkara itu kerana Umno adalah parti yang dianggotai ramai orang dan tidak boleh bertindak sebagai parti elitis," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan ketua bahagian, Pemuda dan Wanita serta pegawai penerangan Umno negeri di Wisma Negeri di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Dr Mahathir berkata, beliau akan pergi ke setiap negeri untuk memberi penerangan mengenai perkara itu.

Mengenai hasutan oleh pihak asing, Perdana Menteri berkata perkara itu serius dan boleh menyebabkan Umno berpecah belah kerana ada ahli Umno sendiri yang menyambut tuduhan itu.

"Apabila orang kita menyambut, parti lawan pun sambut pula, dia seronok ada isu untuk hentam kita dan di Arau inilah yang menjadi isu. Sebab itu kalau kita menyambut tuduhan ini, maka dia akan menjadi senjata yang menikam kita balik.

"Kadang-kadang apabila dapat maklumat, kita mungkin tidak menganalisis maksud maklumat... orang ada niat jahat tetapi dia pandai bercakap... jadi kita tidak nampak kejahatan mereka atau agenda tersembunyi," katanya.

Beliau berkata, ada kalangan anggota Umno yang belum faham apa sebenarnya dilakukan oleh pihak asing yang selalu menafikan mereka mempunyai niat jahat.

"Mereka selalu kata mereka ada niat baik, mengadakan pemerintahan yang telus tetapi mereka membuat tuduhan yang tiada asas. Ini kita kena terangkan kepada ahli Umno," katanya.

Perdana Menteri berkata, media asing membuat tuduhan kononnya Umno mengamalkan kronisme, nepotisme dan mendakwa Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah manifestasi kronisme dan nepotisme, walaupun ia menguntungkan secara menyeluruh.

(END)